



🏠 (/) » BERITA (/BERITA) » UPM anjur aktiviti kebersihan pantai bersama pelajar sekolah di Mersing

Senarai Berita (/berita)

## UPM anjur aktiviti kebersihan pantai bersama pelajar sekolah di Mersing

📷 oleh: Dr. Emmezi Nanyama (Muhammad)



**MERSING, 2 Julai** – Jabatan Kimia, Fakulti Sains, Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menganjurkan aktiviti pembersihan pantai bersama 34 pelajar Sekolah Menengah Kajang Utama (KUSes) di Mersing bagi memupuk kesedaran tentang kebersihan pantai.

Program yang mendapat kerjasama Majlis Daerah Mersing ini telah berlangsung selama tiga bertemakan "Keep Our Beach Beautiful".

Penyelaras program, Dr. Ili Syazana Johari berkata, rasa kebertanggungjawaban ini perlu dipupuk dari peringkat awal dan tidak hanya terhad dalam menjaga kebersihan pantai sahaja.

"Ramai orang suka berkunjung ke pantai terutama cuti persekolahan tetapi mengambil sikap sambil lewa tentang pengurusan sampah. Kami telah temui banyak bekas makanan dan minuman serta botol plastik di sini," katanya.

Tambah beliau, sampah terutama bahan plastik bukan hanya mengotorkan pemandangan dan mencemari persekitaran pantai tetapi memberi ancaman kepada hidupan laut sekiranya dibawa arus semasa air pasang.

"Sisa plastik yang terurai di dalam laut lama-kelamaan boleh bertukar menjadi mikroplastik. Mikroplastik merupakan plastik yang mengalami proses pereputan sehingga menjadi partikel-partikel halus yang bersaiz kurang dari 5 milimeter.



"Pencemaran mikroplastik ini merupakan ancaman besar kepada hidupan laut dan boleh memudaratkan kesihatan kita sekiranya kita makan hidupan laut seperti ikan yang dicemari oleh mikroplastik," katanya.

Sepanjang berlangsungnya aktiviti pembersihan pantai, sebanyak 602 kg sampah yang kebanyakannya terdiri daripada bekas makanan dan minuman serta botol plastik berjaya dikutip di sekitar kawasan Pantai Bandar dan Pantai Air Papan, Mersing.

Selain itu, pantai yang kotor bukan sahaja mencemari pemandangan, malah ia juga memberi persepsi negatif kepada pelancong luar negara yang datang berkunjung ke Mersing khususnya.

Para pelajar kemudiannya diberi taklimat berkenaan kempen pemuliharaan penyu oleh wakil NGO Tengah Island Conservation, Mohd Alzam Affendy.

Menurut beliau, pantai Mersing adalah antara pantai di Malaysia yang menjadi tempat tumpuan penyu bertelur dan dalah penting untuk masyarakat memastikan kawasan pantai bersih dan selamat bagi penyu mendarat.

Sementara itu, penerangan ringkas berkenaan jenis-jenis plastik dan pengurusan bahan buangan turut diberikan oleh pensyarah Jabatan Kimia, Fakulti Sains, UPM.

Proses pemindahan ilmu secara santai ini diharap dapat menambahkan pengetahuan para pelajar dan secara tidak langsung membantu pelajar memahami jenis-jenis sampah, kepentingan pengurusan sisa dan kitar semula.

Di akhir program, peserta dan komuniti tempatan di daerah Mersing bersama-sama melakukan aktiviti pembersihan pantai sempena program 'Johor Bersih 2022' yang telah dirasmikan oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Mersing, Encik Mohd Norman Haji Noh. - UPM

Tarikh Input: 27/07/2022 | Kemaskini: 27/07/2022 | hairul\_nizam

### PERKONGSIAN MEDIA

(https://www.addtoany.com/share?url=https%3A%2F

%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fupm\_anjur\_aktiviti\_kebersihan\_pantai\_bersama\_pelajar\_sekolah\_di\_mersing-67866&title=UPM%20Anjur%20Aktiviti%20Kebersihan%20Pantai%20Bersama%20Pelajar%20Sekolah%20Di%20Mersing%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia)(#facebook) (#twitter) (#linkedin) (#email) (#copy\_link) (#wordpress) (#print)

### LIHAT JUGA



Kumpulan Malinja FRSB, UPM menang Anugerah Khas Exco di Pesta Padi Antarabangsa Pulau Pinang (/berita/kumpulan\_malinja\_frsb\_upm\_menang\_anugerah\_khas\_exco\_di\_pestapadi\_antarabangsa\_pulau\_pinang-67869)



UPM anjur aktiviti kebersihan pantai bersama pelajar sekolah di Mersing (/berita/upm\_anjur\_aktiviti\_kebersihan\_pantai\_bersama\_pelajar\_sekolah\_di\_mersing-67866)



UPM anjur Program Pertandingan Poster Pantun Jubli Emas sempena 50 Tahun UPM (/berita/upm\_anjur\_program\_pertandingan\_poster\_pantun\_jubli\_emas\_sempena\_50\_tahun\_upm-67865)



Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM Serdang  
Selangor Darul Ehsan  
☎ +603-9769 1000  
✉ pspk@upm.edu.my (mailto:pspk@upm.edu.my)

## HUBUNGI KAMI

Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM Serdang  
Selangor Darul Ehsan  
MALAYSIA

+603-9769 1000



---

pspk@upm.edu.my



**TAKLAKUKAN KECECEMANKAWAN**  
BAHAGIAN KESELAMATAN UPM  
(24 JAM)  
03-9769 7990 | 03-9769 7470 |  
03-9769 1999

## PERKHIDMATAN DALAM TALIAN

Sistem Permohonan ke Luar Negara  
(<http://bursar1.upm.edu.my/spin/>)

Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN)  
(<http://www.sisman.upm.edu.my/>)

KM Portal (<http://km.upm.edu.my/>)

/kmportalweb/portal

/renderaction?method=home

Jawatan Kosong (<http://spj.upm.edu.my/>)

Sistem Baik Pulih ICT  
(<http://zonict.upm.edu.my/>)

Putra Learning Hub  
(<http://learninghub.upm.edu.my/>)

Sistem Pengurusan Perubatan  
(<http://regmedic.upm.edu.my/>)

Sistem E-Claim (<http://eclaims.upm.edu.my/>)

/login/

i-GIMS (staf)  
(<http://www.sps.upm.edu.my:8080/igims/>)

/index.jsp

i-GIMS (pelajar pascasiswazah)  
(<http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/>)

Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah)  
(<http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup>)

## PAUTAN LUAR

Kementerian Pendidikan Malaysia  
(<https://www.moe.gov.my/>)

Keluarga Malaysia  
(<https://keluarga.malaysia.gov.my/>)

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi  
Nasional (PTPTN) (<http://www.ptptn.gov.my/>)

Multimedia Super Corridor (<https://mdec.my/>)

Portal myGovernment  
(<https://www.malaysia.gov.my/>)

Agensi Kelayakan Malaysia  
(<https://www.mqa.gov.my/>)

## PAUTAN PANTAS

**FRANKLINTI // IPTU // PENITIAH BAWAH (Jantiti)**

Statistik Transaksi Laman Web (<http://www.upm.edu.my/>)

Statistik

Tender & Kontrak (<http://etender.upm.edu.my/>)

Laporan Piagam Pelanggan (<http://www.upm.edu.my/>)

/mengenai\_kami/maklumat\_korporat

/piagam\_pelanggan-8202

Dasar UPM ([http://www.pnc.upm.edu.my/mengenai\\_kami/](http://www.pnc.upm.edu.my/mengenai_kami/))

/dasar\_universiti-5601

Sistem Pengurusan ISO ([http://reg.upm.edu.my/spk\\_upm/](http://reg.upm.edu.my/spk_upm/))

Dana Wakaf Ilmu (<http://www.wazan.upm.edu.my/>)

Penerbitan UPM (<http://www.upm.edu.my/kandungan/>)

/Penerbitan\_UPM-29859

UPM Flywire (<https://landing-pages.flywire.com/>)

/landing/upm

Takwim UPM 2022 (<https://pspk.upm.edu.my/upload/dokumen/>)

/20220307083100TAKWIM\_UPM\_2022\_(KESELURUHAN).pdf



(<http://putra.upm.edu.my/>)



(<http://portal.upm.edu.my/>)



(<http://www.pertanika.upm.edu.my/>)



(<http://www.learninghub.upm.edu.my/>)



(<http://www.pasasir.upm.edu.my/>)



(<https://smp.upm.edu.my/>)



(<http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/>)



(<http://eclaims.upm.edu.my/login/>)



(<http://reg.upm.edu.my/eISO/>)



(<http://email.upm.edu.my/>)

ENM



Entity Kami



Dokumen



Newsletters



Tetapan

Dasar Privasi (footnote/dasar\_privasi-29949) Hakcipta (footnote/hakcipta-29950) RSS (rss) Penafian (footnote/penafian-29938)  
Bantuan (footnote/bantuan-29937) UPM online (footnote/upm\_online-38695) Dasar Keselamatan (footnote/dasar\_keselamatan-29939)

LANGGAN MELALUI EMAIL  Emel anda

© 2022 Universiti Putra Malaysia

